

Kekalkan perpaduan kaum — PM

UMK 2 2 DEC 2001

Oleh YUSRI SAHAT
dan AKMAR HISHAM MOKHLES

KUALA LUMPUR 21 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa rakyat mengekalkan perpaduan antara kaum demi memastikan keamanan dalam negara terpelihara.

Menurut Perdana Menteri, melalui keamanan, negara akan mendapat banyak manfaat dan keuntungan.

Beliau turut menggesa setiap rakyat bekerja keras demi keharmonian terus terjamin serta untuk memastikan tiada pihak luar boleh menekan negara ini.

"Kalau kita dapat rapatkan hubungan ini tentulah masyarakat kita lebih aman dan bahagia," katanya ketika berucap pada majlis sambutan perayaan 'Dong Zhi' di Stadium Putra, di sini malam ini.

Perayaan Dong Zhi yang diadakan sempena permulaan musim dingin disambut setiap tahun oleh masyarakat Cina.

Kebiasaannya ia diadakan pada hari ke-22 bulan 12 setiap tahun.

Pada sambutan itu kira-kira 15,000 hadir termasuk kalangan yang bukan kaum Cina.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah beberapa orang menteri dan timbalan menteri dari kaum Cina.

Sambutan itu dimeriahkan dengan pelbagai persembahan kebudayaan Cina termasuk tarian singa dan 'Gendang 24-pesta'.

Perdana Menteri seterusnya berkata, rakyat negara ini merupakan sebuah keluarga besar dan kerana itu mereka perlu memapatkan hubungan sebagai satu 'keluarga Malaysia'.

Ujar beliau lagi, Malaysia adalah sebuah negara yang unik walaupun mempunyai rakyat yang berbeza fahaman agama, budaya dan bahasa.

Malah, katanya, rakyat pelbagai kaum di negara ini saling menghormati penganut agama lain.

Misalnya, jelas beliau, majlis berbuka puasa yang diadakan oleh umat Islam turut dihadiri oleh orang-orang bukan Islam.

Begitu juga mereka yang tidak menyambut sesuatu perayaan agama tertentu, turut bersama meraikannya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir meminta setiap rakyat belajar memahami budaya dan perayaan kaum-kaum lain bagi mengikis rasa curiga dan sangsi sesama mereka.

Dengan cara itu katanya, rakyat boleh memahami dengan lebih baik sesuatu budaya dan perayaan itu serta mewujudkan perasaan saling hormat-menghormati.